

| | | |
|-------------|--|----------------------|
| Headline | Atlit perlu pencapaian akademik untuk maju | |
| Date | 21. Oct 2008 | Language MALAY |
| Media Title | Berita Harian | Page No 42 |
| Section | Sentral | Article Size 264 cm2 |
| Circulation | 192917 | Frequency Daily |
| Readership | 1521000 | Color Full Color |
| | | AdValue 13808.00 |



MUHAMMAD MALIK (tengah) berkongsi kegembiraan dengan ibu bapanya selepas lulus Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

Atlit perlu pencapaian akademik untuk maju

SERDANG: Atlit perlu merebut peluang dan kelebihan yang diberikan kepada mereka untuk melanjutkan pengajian sebagai bekalan masa depan apabila tidak aktif lagi bersukan.

Kemudahan diberikan, termasuk mendapat tempat belajar di institusi pengajian tinggi (IPT) dengan kelayakan minimum, kelonggaran mengikuti kuliah dan lanjutan tempoh pengajian itu diakui bekas atlit dekatlon kebangsaan, Muhamad Malik Ahmad Tobias dan ia dikatakan membantu atlit meningkatkan pencapaian mereka.

Peluang yang tidak disiasikan pemenang emas dekatlon pada temasya Sukan Sea Vietnam pada 2003 itu membuahkan hasil apabila lulus Ijazah Sarjana Muda Komunikasi selepas tujuh tahun menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Katanya, bukan sedikit pe-

ngorbanan perlu dilakukan, termasuk melupakan sementara bidang sukan sejak 2006 bagi menghabiskan pengajiannya yang pernah tertangguh sebelum itu.

"Saya juga pernah mengalami saat menyedihkan apabila mendapat purata nilai gred kumulatif di bawah 2.0 sekitar 2005 berikutan masalah tidak berpuas hati dengan Majlis Sukan Negara.

"Pada masa itu, saya menarik diri daripada menjadi atlit menyebabkan saya hilang motivasi dan tidak bersemangat meneruskan pengajian sedangkan rakan sudah menamatkan pengajian mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya berkat dorongan keluarga, dia akhirnya bertekad menamatkan pengajian.

Sambil mengakui masa depannya tidak begitu selamat

jika hanya memberi tumpuan kepada sukan, Muhamad Malik yang kini bekerja sebagai Pegawai Belia Sukan, Pusat Sukan UPM masih menyimpan hasrat mewakili negara jika berpeluang dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Muhamad Malik menerima ijazahnya daripada Pro Canselor UPM, Tan Sri Lim Ah Lek pada sesi keenam Majlis Konvokesyen Ke-32, UPM, di sini, semalam.

Terdahulu, dalam ucapannya, Lim melahirkan rasa bangga dengan pencapaian pelajar UPM yang bukan saja mengharumkan nama universiti itu, malah nama negara dalam bidang sukan.

Katanya, UPM berbangga kerana lima penuntutnya mewakili negara ke Sukan Olimpik Beijing, manakala pada Sukan Sea Ke-24 di Korat, Thailand, seramai 48 atlit.